

Platform pemasaran digital sehati Maxis

Kuala Lumpur: Maxis eCommerce & Retail menawarkan perkhidmatan dan penyelesaian baharu yang akan menyokong jenama tempatan terutama perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui Digital Marketing Starter Kit.

Ia adalah platform pemasaran digital sehati yang membantu perniagaan menggunakan e-dagang untuk menjangkau lebih ramai pelanggan dan meningkatkan penjualan dengan melancarkan iklan yang berkesan di Facebook, Instagram dan Google dalam empat langkah mudah.

Ketua Pegawai Perniagaan Perusahaan Maxis, Paul McManus (*gambar*) berkata, Cloud POS Lite adalah penyelesaian berpatutan yang

memberi peluang kepada perniagaan makanan dan minuman (F&B) untuk jualan dalam talian lebih pantas, menjangkau lebih ramai pelanggan dan menguruskan pesanan dengan berkesan bersama rakan pembayaran dan penghantaran bersepadu dalam satu platform.

“Kedua-dua produk itu sebahagian daripada tawaran Geran Pendigital PKS yang membolehkan perniagaan menuntut sub-

sidi 50 peratus sehingga RM5,000.

“Sebagai penyedia penyelesaian konvergen yang terkemuka, kami berusaha

untuk

menjadi rakan niaga

perniagaan yang

diperca-

yai un-

tuk Te-

rus Me-

nerajui

dalam

dunia

yang sen-

tiasa ber-

ubah.

“Kami mema-

hami cabaran yang mereka

hadapi dan mempunyai pe-

nyelesaian dan kepakaran

untuk membantu mening-

katkan perniagaan mereka.

“Tujuan kami untuk membolehkan perniagaan dari semua saiz memperoleh pelanggan baru dan mendorong lebih banyak pendapatan melalui pakej yang disesuaikan menggunakan pemasaran digital strategik dan analisis mendalam,” katanya dalam kenyataan.

Antara pelanggan Maxis yang memanfaatkan platform berkenaan adalah MR DIY di mana ia membantu peningkatan ciri kedai web seperti Click and Collect, pengaktifan e-dompot dan QR Pay.

“Maxis menerapkan strategi pemasaran digital yang berfokus kepada produk penting seperti pelitup muka dan pembersih tangan, untuk memenuhi keperluan pelanggan,” katanya.

